

Majahar Abd. Rahman

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Khrishna Gopal Rampal

Universiti Kebangsaan Malaysia

PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS: PERUNDANGAN PENGAWALAN PENDEDAHAN PEKERJA KEPADA BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu yang berhubung kait dengan kemampuan majikan dalam industri kecil dan sederhana (IKS) di negara ini untuk mematuhi kehendak Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Kepada Bahan Kimia Berbahaya) 2000 (USECHH, 2000). Tiga siri perbincangan kumpulan fokus diadakan dengan wakil majikan, wakil badan profesional dan wakil kerajaan yang mempunyai hubung kait dengan penderafan, penguatkuasaan dan pematuhan USECHH,2000. Satu siri soalan standard yang relevan disediakan untuk dibincangkan oleh ahli kumpulan. Sesi perbincangan direkod dengan menggunakan pita rakaman dan secara bertulis. Hasil perbincangan kemudian dipindahkan dalam bentuk teks yang disusun mengikut tajuk persoalan yang dibincangkan. Pada amnya wakil kerajaan, wakil badan profesional dan wakil majikan industri besar melihat secara positif terhadap kepentingan pengwujudan, penguatkuasaan dan pematuhan terhadap USECHH,2000. Walaupun demikian pendapat ini tidak dikongsi bersama oleh wakil majikan dalam industri kecil dan sederhana (IKS) kerana mereka berpendapat untuk mematuhi perundangan seumpama ini kos kewangan dan masa yang banyak perlu diperuntukkan tetapi manfaat yang diperolehi hasil daripada mematuhi peraturan

seumpama ini tidak setimpal dengan kos yang mereka keluarkan. Ahli perbincangan bersetuju bahawa dengan adanya tekanan yang berhubung kait dengan pemasaran produk, memudahkan prosedur pematuhan, mengadakan aktiviti latihan dan promosi secara ekstensif, terdapatnya kepakaran dan teknologi berkos rendah dan tidak kurang pentingnya penguatkuasaan yang lebih tegas serta telus dijangka dapat membantu majikan terutamanya majikan IKS mematuhi bukan sahaja kehendak USECHH,2000 tetapi kehendak perundangan lain mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja. Hasil kajian ini mendapati pada dasarnya terdapat kesukaran bagi IKS untuk mematuhi sebahagian besar daripada kehendak USECHH, 2000 .

Kata Kunci: Malaysia, USECHH,2000, Perbincangan kumpulan fokus, Keselamatan kimia.

PENDAHULUAN

USECHH, 2000 telah diwartakan mulai 4 hb April 2000. Peraturan ini terpakai bagi kesemua sepuluh kelas industri yang mana Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja,1994 berkuat kuasa. Selain daripada ruang lingkup pemakaian yang luas, bahan kimia yang tertakluk di bawah peraturan ini juga adalah banyak dan sukar untuk ditentukan jumlahnya dengan tepat. Lebih daripada 600 bahan kimia berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual 1 Peraturan ini dan bahan kimia yang mempunyai salah satu sifat berikut sangat toksik, toksik, mengkakis, memudaratkan atau merengsa berdasarkan kepada kriteria pengelasan yang diguna pakai di dalam Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan Kimia Berbahaya) 1997 adalah dikelaskan sebagai bahan kimia berbahaya kepada kesihatan. Selain daripada itu racun makhluk perosak dan

sisia terjadual juga ditakrifkan sebagai bahan kimia berbahaya kepada kesihatan menurut peraturan ini.

Pengenalpastian bahan kima berbahaya kepada kesihatan, had pendedahan yang dibenarkan, penaksiran risiko kepada kesihatan, tindakan untuk mengawal pendedahan, pelabelan dan pelabelan semula, maklumat arahan dan latihan, pengawasan pendedahan di tempat kerja, pengawasan kesihatan, perlindungan pemindahan perubatan, pengadaaan tanda amaran serta penyimpanan rekod berkaitan merupakan peruntukan utama yang terkandung di dalam peraturan ini. Peruntukan utama ini adalah selaras dengan saranan yang terkandung di dalam Konvensyen 170 Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai keselamatan kimia.

Di Malaysia IKS didefinisikan sebagai syarikat dalam sektor pembuatan yang mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang atau jualan pusing ganti tahunan tidak melebihi daripada RM 25 juta. Kajian yang dibuat oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) pada tahun 1996 mendapati 18, 951 (93.8%) daripada 20, 204 syarikat dalam sektor pembuatan di negara ini tergolong dalam kategori IKS. Kajian ini juga mendapati IKS telah memberi peluang pekerjaan kepada 0.56 juta (39.0%) daripada 1.45 juta pekerja yang bekerja di dalam sektor pembuatan. IKS juga telah memberi sumbangan lebih kurang 27.3 % daripada sejumlah RM 273.44 bilion nilai keluaran di dalam sektor pembuatan pada tahun berkenaan. (SMIDEC 2002)

Tidak dapat dinafikan bahan kimia merupakan salah satu bahan yang utama dalam meningkatkan kualiti hidup manusia. Bahan kimia digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang termasuk bidang pertanian, pembuatan dan perubatan. Tetapi bahan kimia boleh mendatangkan kesan mudarat kepada kehidupan manusia jika ianya tidak digunakan secara yang sewajarnya. Sebagai contoh bahan kimia seperti benzena, asbestos malahan habuk kayu telah dikenal pasti oleh Agensi Penyelidikan Antarabangsa Untuk Kanser (IARC) sebagai bahan karsinogen kepada manusia. Selain daripada penyakit kanser,

penyakit seperti asma, penyakit kulit, keracunan sistemik, keguguran dan kecacatan bayi dalam kandungan, kekurangan kesuburan manusia malahan kesan mutasi kepada gen manusia boleh berlaku disebabkan oleh pendedahan kepada bahan kimia. Sesetengah bahan kimia juga mempunyai sifat mudah meletup dan mudah terbakar yang boleh menyebabkan insiden letupan dan kebakaran (ILO 1998).

Pada tahun 2002 Pertubuhan Buruh Antarabangsa menganggarkan sebanyak 1.9 hingga 2.3 juta orang meninggal dunia berpunca daripada kemalangan atau penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan mereka. Daripada jumlah tersebut adalah dianggarkan sebanyak 400, 000 (17.0-21.0%) daripadanya adalah berpunca daripada pendedahan kepada bahan kimia berbahaya (ILO 2004). Di negara kita pula pada tahun 2002 sejumlah 96 daripada 235 (41%) kes penyakit pekerjaan yang dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah merupakan kes-kes yang boleh dikaitkan dengan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya seperti penyakit kanser akibat pendedahan kepada habuk kayu, penyakit kulit akibat dedahan kepada bahan kimia dan penyakit asma pekerjaan. Statistik pada tahun tersebut tidak merekodkan sebarang kes maut bagi penyakit pekerjaan. Memang tidak dinafikan kes penyakit pekerjaan yang dilaporkan adalah terlalu kecil bilangannya berbanding dengan bilangan kes yang sebenar. Perkara ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di negara maju seperti Finland di mana kes penyakit pekerjaan telah diberikan penekanan yang amat penting oleh pihak kerajaan negara berkenaan (PERKESO 2003; Snashall & Patel, 2003).

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merupakan agensi yang bertanggungjawab bagi menguatkuasakan peruntukan yang terkandung di dalam USECHH, 2000. Hasil audit pematuhan yang dibuat oleh jabatan ini ke atas 791 tempat kerja dalam tahun 2002 mendapati hanya 206 (26.0%) daripada tempat kerja yang diaudit telah mengadakan daftar bahan kimia berbahaya dan hanya 55 (7.0%) tempat kerja berkenaan telah

menjalankan penaksiran risiko kepada kesihatan bagi pekerja yang terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan. Statistik ini menunjukkan bahawa tahap pematuhan majikan terhadap USECHH,2000 pada ketika itu berada pada tahap yang kurang menggalakkan.

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan membincangkan isu yang berhubung kait dengan keupayaan majikan IKS di negara ini bagi memenuhi peruntukan yang terkandung di dalam USECHH,2000. Seterusnya input yang diperolehi menerusi kajian ini akan digunakan bagi merancang, mereka bentuk dan menentukan hala tuju kajian peringkat nasional mengenai faktor yang menentukan pematuhan majikan IKS di negara ini terhadap perundangan pengawalan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya.

METHODOLOGI

Sebanyak tiga siri perbincangan kumpulan fokus dengan wakil majikan, ahli profesional dan agensi kerajaan yang mempunyai hubungan dengan penderafan, penguatkuasaan dan pematuhan USECHH,2000 telah diadakan. 4 daripada 6 orang wakil profesional merupakan individu yang berkhidmat di dalam syarikat multinasional dan pendapat mereka dianggap mewakili pendapat industri besar. Bagi memastikan isu yang dibincangkan berada pada landasan yang ditetapkan satu siri soalan asas yang standard telah disediakan untuk dibincangkan oleh ahli kesemua kumpulan. Perjalanan sesi perbincangan telah direkodkan dengan alat perakam suara elektronik dan secara bertulis. Akhirnya input yang diberikan dalam perbincangan dipindahkan dalam bentuk tulisan menurut setiap tajuk persoalan yang dibincangkan.

KEPUTUSAN

Seramai 8 orang wakil agensi kerajaan, 6 orang wakil profesional (4 berkhidmat di dalam syarikat multinasional) dan 5 orang wakil majikan telah mengambil bahagian dalam perbincangan yang diadakan.

Kepentingan USECHH, 2000

Wakil agensi kerajaan, profesional dan majikan dari industri besar melihat pelbagai kepentingan mengenai pengwujudan dan pematuhan terhadap USECHH,2000. Kepentingan ini boleh dikelaskan kepada tiga kategori iaitu memberi faedah secara langsung kepada pekerja, majikan atau kerajaan. Kepentingan secara langsung USECHH,2000 kepada pekerja yang dikenal pasti ialah: melindungi aspek keselamatan dan kesihatan pekerja yang terdedah kepada bahan kimia, membantu dalam proses menuntut pampasan daripada pihak insurans jika pekerja terlibat dengan kemalangan atau menghadapi penyakit yang berkaitan dengan pendedahan kepada bahan kimia di tempat kerja, memberi penjelasan terhadap hak pekerja untuk mendapat maklumat dan mengetahui mengenai jenis bahan kimia, potensi kesan mudarat kepada kesihatan dan status pendedahan mereka kepada bahan kimia yang mereka kendalikan.

Ahli bagi ketiga-tiga kumpulan fokus tersebut juga berpendapat antara kepentingan USECHH,2000 secara langsung kepada majikan ialah ianya dapat membantu dalam proses membentuk imej korporat yang baik, memberi panduan dalam mengadakan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat dan memberi panduan tentang hierarki kawalan yang sesuai dalam mengawal pendedahan pekerja mereka kepada bahan kimia berbahaya.

Bagi pihak kerajaan pula dengan adanya peraturan USECHH,2000 kerajaan dapat mempromosi konsep *cradle to grave* dalam penggunaan dan pengendalian bahan kimia di tempat kerja, menggunakannya sebagai fungsi perundangan dalam pengawalan pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan dan dapat membantu kerajaan untuk memastikan praktis keselamatan kimia yang baik diamalkan oleh majikan dan pekerja di negara ini.

Bagi persoalan ini wakil majikan IKS pula memberi pandangan yang amat berbeza, mereka menyatakan bahawa pada prinsipnya mereka tidak dapat melihat kepentingan pengwujudan dan pematuhan terhadap USECHH,2000 tetapi sebaliknya mereka beranggapan bahawa untuk mematuhi USECHH,2000 merupakan satu beban tambahan yang perlu ditanggung oleh majikan IKS. Tambahan pula menurut mereka kebanyakan pekerja yang terlibat dengan pengendalian bahan kimia di tempat kerja adalah terdiri daripada pekerja asing. Jika pekerja ini tidak cukup sihat untuk bekerja majikan boleh mendapatkan pekerja gantian dengan kesukaran yang minimum. Mereka memaklumkan juga majikan IKS akan melihat USECHH,2000 sebagai penting jika mematuhinya dikaitkan secara langsung dengan aspek komersial perniagaan mereka misalnya pematuhan terhadap peraturan ini dijadikan prasyarat oleh pembeli produk keluaran mereka sebelum pembeli berkenaan berbuat demikian.

Kemampuan untuk Mematuhi USECHH, 2000

Pada prinsipnya ahli kumpulan bersetuju dengan pendapat bahawa organisasi besar mampu untuk mematuhi kehendak USECHH, 2000 dengan kesukaran yang minimum. Pendapat mereka adalah berdasarkan kepada faktor kemampuan kewangan organisasi besar yang pada pandangan mereka adalah lebih baik berbanding dengan organisasi kecil. Selain daripada itu, menurut mereka pada kebiasaannya dalam organisasi besar terdapat individu yang diberi

tugas untuk menjaga aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan individu ini boleh diberi tugas untuk memastikan pematuhan terhadap kehendak USECHH,2000.

Bagi IKS pula mereka berpendapat pada kebanyakan masa adalah sukar bagi organisasi dalam kategori ini untuk memenuhi kehendak USECHH,2000 kerana faktor kekurangan sumber termasuk kewangan dan sumber manusia. Selain daripada itu, menurut wakil IKS bagi menjalankan operasi sesebuah kilang secara sah mereka perlu mendapatkan lebih daripada 20 jenis lesen atau kelulusan dari pelbagai agensi. Setelah mereka mendapat lesen atau kelulusan berkenaan operasi kilang mereka akan dipantau oleh agensi yang mengeluarkan lesen atau kelulusan tersebut. Beliau percaya faktor kesukaran untuk beroperasi secara sah dan ingin mengelakkan operasi mereka daripada dipantau secara kerap dapat menerangkan mengapa hanya kira-kira hanya 3000 daripada 18000 organisasi IKS dalam sektor pembuatan di negara ini berdaftar dengan SMIDEC. Wakil SMIDEC menjelaskan organisasi IKS yang berdaftar dengan SMIDEC layak dipertimbangkan untuk mendapat pelbagai bentuk insentif dalam bentuk kepakaran dan kewangan tetapi hanya organisasi IKS yang berdaftar dengan SMIDEC sahaja layak dipertimbangkan untuk diberi insentif tersebut. Menjalankan operasi secara sah dan kilang hendaklah beroperasi di tanah perindustrian adalah menjadi prasyarat bagi sesebuah organisasi dalam sektor pengilangan untuk berdaftar dengan SMIDEC.

Faktor Pendorong dan Penghalang Pematuhan

Wakil industri besar menyatakan untuk mengekalkan imej korporat yang baik menjadi sebab utama mengapa organisasi beliau mematuhi USECHH,2000. Tambahnya lagi organisasinya yang beroperasi di Malaysia dan merata tempat di dunia diwajibkan untuk mematuhi sepenuhnya keperluan perundangan tempatan. Mereka juga tertakluk kepada audit dalaman yang dijalankan oleh ibu pejabat mereka bagi menentukan tahap pematuhan mereka terhadap

perundangan tempatan termasuk perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Wakil IKS pula berpendapat bagi memenuhi kehendak pelanggan menjadi sebab utama mengapa majikan IKS mematuhi USECHH,2000. Salah seorang peserta perbincangan menjelaskan terdapat pelanggan yang mensyaratkan supaya organisasi yang ingin menjual produk kepada mereka perlu mendapatkan pengiktirafan bagi sistem pengurusan termasuk sistem pengurusan kualiti, sistem pengurusan alam sekitar dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Bagi mendapatkan pengiktirafan bagi sistem pengurusan alam sekitar contohnya ISO 14001 atau sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti OHSAS 18001 pematuhan terhadap perundangan tempatan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan seumpama USECHH,2000 adalah merupakan prasyarat bagi mendapatkan pengiktirafan tersebut

Menerima arahan yang tegas dari pihak berkuasa, industri menggunakan bahan kimia secara ekstensif dan pernah berlaku kemalangan atau penyakit yang serius akibat pendedahan kepada bahan kimia di sesebuah organisasi merupakan faktor lain yang dilihat oleh ahli kumpulan sebagai faktor yang mendorong majikan untuk mematuhi USECHH,2000.

Faktor-faktor seperti majikan mengamalkan sikap tunggu dan lihat, pematuhan kepada USECHH,2000 tidak diikat dengan pengeluaran lesen yang diperlukan oleh majikan bagi menjalankan operasinya, promosi yang kurang oleh pihak penguatkuasa, kekurangan kemudahan sokongan untuk membantu pematuhan seperti kekurangan makmal yang boleh membuat analisa terhadap sampel bahan kimia yang dikutip menerusi pemantauan udara tempat kerja merupakan faktor-faktor yang dilihat oleh peserta sebagai faktor yang telah mendorong majikan untuk tidak mematuhi USECHH,2000.

Salah seorang ahli perbincangan membangkitkan bahawa faktor kekurangan sumber manusia dan kewangan serta faktor keperluan untuk mendapatkan pelbagai pengiktirafan dan kelulusan bagi membolehkan sesebuah organisasi dalam sektor pengilangan untuk beroperasi dan memasarkan produk mereka adalah antara faktor lain yang menyebabkan majikan tidak mematuhi USECHH,2000. Beliau berkata “Bagaimana anda boleh berharap syarikat yang mempunyai jualan pusing ganti tahunan sebanyak RM 200,000 dengan 10% margin keuntungan untuk membelanjakan beberapa ribu ringgit hanya untuk menjalankan CHRA ”. Beliau menambah “ Terlalu banyak lesen atau pengiktirafan yang diperlukan untuk menjalankan operasi maka majikan IKS terpaksa memberi keutamaan kepada lesen atau pengiktirafan yang mempengaruhi perniagaan mereka secara langsung seperti lesen dari pihak berkuasa tempatan, mendapatkan pengiktirafan ISO 9001, mendapatkan sijil HALAL, KOSHER atau HACCP (*Hazard Anaylis Critical Point*)”

Ahli perbincangan juga tidak menolak kemungkinan seperti dalam mana-mana proses penguatkuasaan undang–undang, wujudnya elemen salah guna kuasa dan rasuah telah mendorong sesetengah majikan untuk mengambil jalan singkat dengan berbuat demikian dan ini seterusnya menyebabkan mereka tidak mengambil langkah bagi mematuhi undang-undang seumpama USECHH 2000.

Langkah yang Dapat Membantu Meningkatkan Pematuhan

Dalam perkara ini ahli kumpulan telah mencadangkan sebanyak 8 langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan tahap pematuhan majikan terutamanya majikan IKS di negara ini terhadap USECHH,2000. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran majikan dan pekerja di negara ini tentang kepentingan menjaga aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan termasuk aspek keselamatan kimia merupakan salah satu cara yang dapat membantu untuk meningkatkan pematuhan majikan terhadap perundangan keselamatan dan kesihatan

pekerjaan seumpama USECHH,2000. Menerusi cara ini majikan dan pekerja dapat mengetahui tentang rasional pengwujudan, kepentingan dan manfaat yang diperolehi dengan mematuhi perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti USECHH,2000. Salah seorang ahli perbincangan telah merujuk kepada program latihan sehari mengenai aspek keselamatan dan kesihatan untuk pekerja yang dijalankan di negara Thailand. Menurutnya, program yang dijalankan di negara berkenaan dapat memberi latihan asas mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada lebih kurang 100,000 pekerja setahun dan program ini dilaksanakan dengan kos yang minimum. Peserta perbincangan juga berpendapat pengetahuan dan kesedaran di pihak majikan dan pekerja di sektor swasta sahaja tentang kepentingan menjaga aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja adalah tidak memadai . Menurut mereka topik mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan seharusnya dimasukkan di dalam kurikulum latihan untuk kakitangan di dalam sektor awam seperti program latihan induksi. Pengetahuan dan kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam sektor awam membolehkan perkara ini dijadikan agenda nasional dan mendapat perhatian semua pihak bukan terhad kepada agensi kerajaan yang tertentu sahaja.

Menggalakkan pembeli pukal produk keluaran sektor pengilangan menjadikan pematuhan terhadap USECHH,2000 sebagai salah satu syarat untuk pembelian produk, pemberian insentif dan subsidi pematuhan oleh kerajaan, penguatkuasaan yang lebih tegas adalah cara lain yang difikirkan oleh ahli kumpulan dapat membantu untuk meningkatkan pematuhan majikan terutamanya majikan IKS terhadap peraturan ini.

Kaedah-kaedah yang membantu untuk memudahkan pematuhan majikan seperti membenarkan penaksiran risiko kesihatan (CHRA) dibuat secara 'generik' mengikut jenis industri, mengadakan satu badan atau jawatankuasa teknikal yang membuat kajian dan kompilasi terhadap langkah penambahbaikan

aspek keselamatan kimia berkongsi rendah serta penubuhan satu konsortium pakar yang dapat memberi khidmat nasihat kepada IKS terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan termasuk aspek keselamatan kimia dan pematuhan terhadap USECHH,2000 juga telah dicadangkan oleh ahli kumpulan.

Dalam perkara mengambil langkah untuk meningkatkan pematuhan terhadap USECHH,2000 wakil IKS telah memberi pandangan berikut “Jika tekanan yang diberikan untuk mematuhi sesuatu undang-undang menjadi terlalu tinggi, saya bimbang kami terpaksa memindahkan operasi ke negara yang mempunyai kehendak perundangan yang kurang ketat seperti negara China dan Vietnam”.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Ringkasan aspek yang mempengaruhi pematuhan majikan terhadap USECHH,2000 dan arah aliran pengaruh berkenaan yang dirumuskan hasil perbincangan ini dimuatkan dalam Carta 1. Elemen yang terkandung dalam ruangan kepentingan, faktor pendorong, langkah meningkatkan pematuhan dan kemampuan majikan industri besar dilihat oleh ahli perbincangan boleh memberi implikasi yang positif kepada pematuhan majikan terhadap USECHH,2000. Manakala elemen yang terkandung dalam ruangan faktor penghalang dan kekurangan kemampuan majikan IKS untuk mematuhi USECHH, 2000 dilihat boleh memberi implikasi negatif kepada pematuhan majikan kepada peraturan tersebut.

Masalah yang dihadapi oleh IKS dalam mematuhi perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan termasuk perundangan yang berkaitan dengan keselamatan kimia bukanlah sesuatu yang di luar jangkaan dan berlaku di negara ini sahaja. Fenomena ini juga berlaku di negara maju seperti United Kingdom dan Jerman. Penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Keselamatan

dan Kesihatan Persekutuan Jerman pada tahun 1994 umpamanya membuat kesimpulan kebanyakan daripada majikan IKS di negara berkenaan mempunyai tahap pendidikan asas yang rendah, tidak menyedari akan tanggungjawab mereka dalam mengawal pendedahan kepada bahan kimia berbahaya di tempat kerja dan kekurangan pengetahuan bagi membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memenuhi kehendak perundangan pengawalan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya di tempat kerja (Tijssen & Links 2001). Di United Kingdom pula, hasil kajian terhadap pembeli garis panduan '*COSHH essential*' yang dijalankan pada tahun 2001 (garis panduan yang memberi penjelasan tentang peruntukan yang terkandung di dalam '*COSHH Regulations*' (*Control of Substances Hazardous to Health*)) mendapati bilangan syarikat kecil yang membeli garis panduan ini adalah terlalu rendah berbanding dengan bilangan organisasi dalam kelas ini yang beroperasi di negara berkenaan. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan syarikat besar berkemungkinan besar mempunyai pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menjaga soal yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sehubungan dengan itu industri besar mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk mengetahui adanya penerbitan garis panduan seumpama ini (Wiseman & Gilbert 2002).

Membiarkan majikan IKS untuk tidak mematuhi perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan termasuk USECHH,2000 atas apa alasan sekalipun merupakan sesuatu yang patut dielakkan. Dalam masa yang sama IKS patut diberi bantuan dalam memenuhi kehendak perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Di United Kingdom umpamanya penaksiran risiko secara generik berserta dengan langkah kawalan bagi beberapa jenis industri yang menggunakan bahan kimia dalam kuantiti yang kecil seperti syarikat kawalan serangga, syarikat perkhidmatan dobi dan workshop baik pulih kenderaan telah dilaksanakan oleh pihak HSE (*Health and Safety Executive*) dan majikan boleh memuat turun laporan generik penaksiran ini dari laman web agensi berkenaan. Selain daripada itu bagi industri yang menggunakan bahan kimia pada bilangan


dan kuantiti yang lebih besar penaksiran risiko boleh dibuat secara interaktif di laman web HSE. Berbanding dengan USECHH,2000 di mana penaksiran risiko hanya boleh dilakukan oleh pengapit yang berdaftar dan pada masa kini kaedah penaksiran secara generik belum digunakan secara meluas sudah pasti kos bagi menjalankan penaksiran bagi mematuhi USECHH,2000 lebih tinggi secara relatif.

Sebagai rumusan peserta dalam siri perbincangan kumpulan fokus ini berpendapat bahawa adanya tekanan yang berhubung kait dengan pemasaran produk, memudahkan prosedur pematuhan, mengadakan aktiviti latihan dan promosi secara ekstensif, terdapatnya kepakaran dan teknologi berkos rendah dan tidak kurang pentingnya terdapatnya penguatkuasaan yang lebih tegas serta telus dijangka dapat membantu majikan terutamanya majikan IKS mematuhi bukan sahaja kehendak USECHH,2000 tetapi kehendak perundangan lain mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

LIMITASI KAJIAN

Pendapat yang diberikan adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman ahli kumpulan sahaja dan tidak semestinya mencerminkan pendapat kumpulan yang mereka wakili.

Carta 1: Ringkasan Aspek Mempengaruhi Pematuhan Terhadap USECHH 2000



Rujukan:

- Department of Occupational Safety and Health Malaysia (DOSH).2003. Annual Report 2002.
- Health and Safety Executive U.K.2002.COSHH Essentials <http://www.coshh-essentials.org.uk/>(20 Dec 2004)
- ILO, 1998. *Chemical safety training module*. Helsinki: Finnish Institute of Occupational Health.
- ILO. 2004. Global estimates of fatalities caused by work related diseases and occupational accidents, 2002.
<http://bravo.ilo.org/public/english/protection/safework/accidis/index.htm> (20 Dec 2004).
- Malaysia. 2001. Occupational Safety and Health Act (Classification, Packaging and Labelling of Hazardous Chemicals) Regulations, 1997.
- Malaysia, 2001. Occupational Safety and Health Act (Use and Standard of Exposure of Chemicals Hazardous to Health) Regulations, 2000.
- Small and Medium Industry Development Corporation Malaysia (SMIDEC). 2002. SMI Development Plan 2001-2005.(CD-Rom) (20Dis 2004)
- Snashall D & Patel D (eds).2003. *ABC of occupational and environmental medicine* . London: BMJ Publishing.
- Social Security Organisation Malaysia (SOCISO).2003.Annual Report 2002SCHA
- Tijssen SCHA & Links IHM. 2001. Ways of SMEs to Assess and Control Risks From Hazardous Substance: Report on International Workshop 26-27 November 2001. Suffolk: Health and Safety Executive.
- Wiseman J & Gilbert F. 2002. COSHH Essentials survey of firms purchasing this guidelines - Research report. Suffolk: Health and Safety Executive.